



## PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. MKN **menafikan** kesahihan nota ringkas hasil keputusan Mesyuarat MKN bertarikh 27 Mei 2020 yang mengandungi beberapa cadangan kepada YAB Perdana Menteri Malaysia samada PKPB harus ditamatkan atau disambung. MKN **menasihati** orang ramai agar tidak menyebarkan berita yang tidak sahih bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan rakyat.
2. Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) **menafikan** dakwaan telah mengeluarkan arahan kepada pengunjung pasaraya AEON MALL Tebrau City, Johor Bahru pada 23, 24 dan 25 Mei 2020 untuk menjalani saringan COVID-19 seperti tular di media sosial. JKNJ **menegaskan** tiada kes jangkitan COVID-19 dikesan di pasaraya tersebut. JKNJ **menjelaskan** bahawa penutupan pasaraya tersebut tempoh hari adalah kerana tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan di dalam Peraturan Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit, bukannya disebabkan jangkitan COVID-19.

**Pasukan Respons Pantas  
KKMM  
29 Mei 2020 | 11.30 Pagi**

